



Buletin

Rejab 1445/ Januari 2024

ACIS

Ibrah Perang Tabuk

Pemikiran Ibnu Khaldun
dalam Politik

E-book Pengurusan
Maklumat Islam

Kempen Solidariti Palestin

Cerita Rakyat
Menyingkap Tauladan

eISSN 2600-8289



9 77 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Kempen Solidariti Palestin

Oleh:

Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Siti Nur Fadzilah Abdullah

Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Pada 29 dan 30 November 2023 bertempat di Dewan Biduanda UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah berlangsung Mascom Might 2023 yang bermula jam 8 Pagi dan berakhir jam 5 Petang. Kursus Khidmat Masyarakat (N5HPD233) telah dijemput untuk membuka booth (Pameran) selama dua hari bagi menyuntik kesedaran pelajar kepada program sukarelawan dan kempen solidariti Palestin. Seramai 1424 orang telah hadir bagi meraikan program Mascom Might tersebut. Antara peserta yang hadir selain daripada pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban dan Kampus Rembau adalah daripada pelajar-pelajar dan guru-guru SMK Sains Rembau, SMK Pedas, SMA Haji Mohd Yatim, Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, SMK Undang Rembau, SMK Datuk Abdullah, SMA Rembau dan SMK Dato' Sedia Diraja.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah ceramah yang bertajuk 'The Wakeup Crew' oleh alumni UiTM Encik Zaki bin Zainal, Ceramah bertajuk Eager Episodes: Shaping Perceptions: The Power of Advertising oleh Puan Syahirah Suhumi dan Encik Mohd Ridzuani Ab Aziz. Sesi petang pula adalah aktiviti Fueled Media: Creative and Innovation Competition on Communication Issue di mana dua orang juri telah dilantik iaitu Puan Nurul Nisha Binti Mohd Shah dan Ustazah Suhaila Sharil bagi mengemudi sebelas kumpulan yang bertanding. Pada jam 4 petang pula Puan Norazreen Samsuri telah mengetengahkan sesi praktikal yang bertajuk Beaute & Bloom : Grooming for Radiant Transformation. Selain daripada pameran solidariti Palestin, terdapat juga pameran media fotografi mengenai balai berita, wartawan dan bagaimana mengendalikan sesi interaktif yang dikendalikan oleh Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media daripada UiTM Shah Alam.

Bagi Kursus Khidmat Masyarakat (N5HPD233) mereka telah membuat pameran khas solidariti Palestin dan Malaysia Against Pornography (MAP) di mana peserta-peserta yang berkunjung ke pameran mereka perlu melengkapkan empat



permainan interaktif iaitu permainan pertama roda impian Palestin, permainan bowling, permainan Muamalat Interaktif dan yang keempat Dam Ular. Apabila semua peserta telah melengkapkan interaktif game ini dan mendengar Sejarah Palestin yang dibawa khas oleh MYCARE maka peserta akan mendapat goodies berbentuk roti dan air untuk dibawa pulang. Selain itu terdapat video-video mengenai Palestin yang dikemukakan kepada penonton untuk memberi pengetahuan selain daripada ucapan terhadap kempen solidariti Palestin. Hari kedua pula telah berlangsung ceramah mengenai keberkesanan dalam komunikasi yang bertajuk "Air Liur Emas" daripada Puan Nurul Nisha Binti Mohd Shah dan Encik Jef Hazimin. Selepas berakhirnya ceramah tersebut, Encik Sayfill Syazwan pula menyampaikan ceramah bertajuk Key to Success dan terdapat trak makanan yang turut memeriahkan juadah makanan di luar Dewan Biduanda. Majlis penutupan telah diadakan pada sebelah petang 30 November 2023 iaitu pada jam 2 Petang hingga 4 Petang. Antara tetamu kehormat yang hadir adalah Dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media iaitu Profesor Madya Dr. Abd Rasid bin Abd Rahman dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik Ts. Dr. Noorlis Ahmad. Sebanyak RM200 telah disumbangkan kepada pelajar bernama Siti Nur Muzainah Binti Muhammad Noor yang merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) mengalami masalah kaki dan berkerusi roda di mana beliau merupakan Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Hasil daripada program tersebut seramai 120 orang yang telah berminat menjadi sukarelawan UiTM untuk mengetengahkan bakat dan keterampilan bagi membantu misi banjir, program kesukarelawanan yang akan diadakan oleh UiTM. Alhamdulillah dengan adanya semangat dan kepekaan daripada mahasiswa dan pelajar-pelajar sekolah menengah di seluruh Rembau, kempen solidariti Palestin dan program sukarelawan mendapat tempat di hati mereka dan peserta mengetahui tanggungjawab mereka sebagai pelajar untuk sentiasa memberikan perhatian terhadap isu global.

